

## BAB LIMA : RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

### A. Pengenalan

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran sebagai salah satu komponen dalam mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (PQS). Kajian berhasrat untuk menilai secara objektif pengajaran guru di dalam kelas yang meliputi peruntukan masa bagi komponen ini, kaedah-kaedah yang sering digunakan dan persepsi guru terhadap pengajarannya di dalam kelas. Kajian juga berharap dapat mengenalpasti kekangan-kekangan yang wujud dalam pelaksanaan pengajaran komponen ini di dalam kelas kepada pelajar. Turut menjadi tujuan kajian adalah bagi mengenalpasti cadangan-cadangan daripada guru sebagai pelaksana kurikulum mata pelajaran ini bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran komponen ini kepada pelajar.

Kajian ini didorong oleh penegasan dan penetapan objektif pertama mata pelajaran PQS, agar pelajar berupaya untuk membaca al-Quran dan menghafaz beberapa potong dan petikan ayat yang telah ditentukan berdasarkan sukatan. Dapatan hasil kajian-kajian lampau berhubung keupayaan pelajar untuk membaca al-Quran turut mendorong pengkaji untuk melihat sama ada komponen pengajaran ini ada dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sebenar di bilik darjah ataupun keadaan sebaliknya berlaku. Hasrat dan inkuisitif ini timbul apabila wujud beberapa pertentangan kepentingan (*conflict of interest*) dalam mata pelajaran ini.

Dalam bab ini, pengkaji akan cuba untuk membuat rumusan tentang dapatan-dapatan hasil analisa yang ditadbirkan dalam Bab Empat berdasarkan soalan-soalan kajian yang telah ditentukan pada Bab Satu. Cadangan-cadangan juga akan cuba diutarakan berdasarkan dapatan tersebut demi memperbaiki kualiti pengajaran komponen berkenaan dalam mata pelajaran ini. Selain itu, cadangan-cadangan juga akan diutarakan bagi penyelidikan yang akan datang, khususnya yang menyentuh kepentingan mata pelajaran ini dan kemahiran pelajar untuk membaca al-Quran.

#### B. Perbincangan Berdasarkan Soalan Kajian

Terdapat lima soalan kajian yang telah diutarakan dalam kajian ini, iaitu ;

1. Sejauh manakah guru memperuntukkan sebahagian masa daripada 160 minit yang diuntukkan untuk mata pelajaran ini bagi mengajar kemahiran membaca al-Quran ini kepada pelajar?
2. Apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru untuk mengajar kemahiran ini dalam masa yang telah ditentukan? Antara kaedah-kaedah tersebut, kaedah apakah yang paling kerap digunakan?
3. Apakah persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran ini kepada peningkatan kemahiran pelajar membaca al-Quran?
4. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara peruntukan waktu dan pembolehubah-pembolehubah berikut; jantina, kelulusan iktisas dan pengalaman mengajar PQS?

5. Apakah kekangan-kekangan yang wujud dalam pelaksanaan pengajaran komponen ini, seandainya ada dan apakah cadangan-cadangan bagi memperbaikinya menurut perspektif guru?

Soalan 1 : Sejauh manakakah guru memperuntukkan masa daripada 160 minit yang diberikan untuk mengajar kemahiran membaca al-Quran ini kepada pelajar?

Sekolah-sekolah menengah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mempunyai peruntukan waktu yang berbeza jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (sekarang dikenali sebagai Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)). Menurut Ustaz Mohd Jaafar Komari, Ketua Sektor Kurikulum, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS, jumlah minit yang diperuntukkan kepada setiap masa dalam jadual waktu bagi sekolah kelolaan JAIS hanyalah sebanyak 30 minit sahaja. Oleh itu, sekiranya mata pelajaran PQS dicadangkan agar diperuntukkan sebanyak empat (4) masa seminggu, ia bermakna di sekolah-sekolah menengah kelolaan JAIS mata pelajaran ini hanya diperuntukkan sebanyak 120 minit sahaja berbanding 160 minit di sekolah-sekolah di bawah KPM.

Selain daripada jumlah minit seminggu yang berbeza antara kedua jenis sekolah ini, jumlah waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran ini di sekolah-sekolah kelolaan JAIS turut mencatatkan perbezaan yang ketara. Sebagaimana yang telah dijelaskan di Bab Kedua kajian ini, jumlah waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran PQS di sekolah-sekolah menengah JAIS adalah berbeza-beza dan bergantung kepada faktor

tingkatan dan pakej mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Contohnya, bagi tingkatan empat pakej sains tulen teknologi, mata pelajaran ini diperuntukkan sebanyak dua (2) waktu sahaja seminggu, sedangkan bagi aliran agama sains ikhtisas di tingkatan yang sama, ia diperuntukkan sebanyak tiga (3) masa seminggu.

Di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran KPM, mata pelajaran ini diperuntukkan sebanyak empat (4) waktu seminggu tanpa mengambilkira pakej mata pelajaran yang ditawarkan. Jadual berikut menggambarkan peruntukan waktu bagi mata pelajaran ini mengikut tingkatan dan pakej mata pelajaran yang sedang diamalkan di sekolah-sekolah menengah kelolaan JAIS.

Pakej mata pelajaran ditawarkan	Jumlah peruntukan waktu seminggu	
	Ting. Empat	Ting. Lima
Sains Tulen Teknologi [pakej 2 (a)]	2	2
Pengajian Islam Sains Tulen [pakej 2 (c)]	2	4
Pengajian Islam Sains Ikhtisas [pakej 2 (e)]	3	4
Pakej selain pakej 2 (a), (c) dan (e)	3	4

**Jadual 13:** Jumlah Peruntukan Waktu Seminggu Bagi PQS Di Sekolah Menengah JAIS

Dapatan yang diperolehi hasil daripada soal selidik yang diedar dan dikembalikan oleh responden menunjukkan bahawa daripada sejumlah 46 orang responden, 33 orang (71.7 peratus) telah memperuntukkan waktu bagi mengajar komponen tilawah ini kepada pelajar mereka.

Daripada jumlah itu, 16 orang daripada mereka (34.8 peratus daripada jumlah keseluruhan responden) telah memperuntukkan satu waktu setiap minggu (30 minit untuk setiap minggu) bagi mengajar kemahiran ini kepada pelajar mereka. Seramai tujuh (7) orang daripada keseluruhan responden pula turut memperuntukkan sebanyak satu (1) waktu tetapi bagi setiap dua (2) minggu persekolahan. Dua (2) orang daripada keseluruhan responden pula menyatakan bahawa mereka memperuntukkan lebih daripada satu (1) setiap minggu bagi tujuan yang sama. Namun, jumlah peruntukan waktu yang terbatas (3 hingga 4 waktu seminggu), jumlah minit yang kurang untuk setiap waktu dan sukatan mata pelajaran yang banyak, menimbulkan sedikit keraguan berhubung jawapan yang diberikan oleh dua (2) orang responden ini.

Sejumlah enam (6) orang responden pula hanya mengajar pelajar mereka membaca al-Quran seandainya pada waktu yang sama mereka turut merancang untuk menyentuh tajuk ayat kefahaman. Ini bermakna mereka hanya akan meminta pelajar membaca petikan ayat dalam tajuk berkenaan sahaja dan bukan sukatan untuk tilawah al-Quran bagi tajk berkenaan. Hakikat ini menjelaskan persoalan mengapa sukatan ayat tilawah bagi mata pelajaran ini tidak pernah berjaya untuk disempurnakan oleh guru dan pelajar.

Dapatan-dapatan ini mendedahkan bahawa daripada sejumlah 46 orang guru yang telah menjadi responden kajian ini, hanya 25 orang daripada mereka (54.3 peratus) telah benar-benar melakukan perancangan untuk mengajar pelajar mereka membaca al-Quran dan telah melaksanakannya dalam waktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Baki 21 orang daripada mereka, sama ada tidak terus memperuntukkan waktu untuk pengajaran komponen ini atau mereka hanya menyentuh beberapa ayat yang ada kaitan dengan tajuk ayat kefahaman sahaja.

Soalan 2 : Apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru untuk mengajar kemahiran ini dalam masa yang telah ditentukan? Antara kaedah-kaedah tersebut, kaedah apakah yang paling kerap digunakan?

Soalan ini adalah penting untuk dijelaskan mengikut pendapat pengkaji kerana keberkesanan pengajaran dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam pembacaan al-Quran bertitik tolak daripada kaedah pengajaran yang digunakan di dalam kelas. Perlu diingat bahawa kaedah mengajar membaca al-Quran adalah berbeza dengan pengajaran membaca yang biasa sebagaimana yang telah dijelaskan dalam tinjauan literatur.

Data yang didapati menjelaskan bahawa kaedah yang mendapat kekerapan tertinggi ialah kaedah ketiga dan keempat dengan masing-masing mencatat peratusan sebanyak 63.0 dan 60.9 peratus. Kaedah ketiga merujuk kepada kaedah di mana guru meminta beberapa orang murid untuk membaca petikan yang ditentukan dan guru akan membetulkan kesilapan murid dalam bacaan sekiranya ada. Kaedah keempat pula merujuk kepada perbincangan hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam petikan ayat yang dibaca.

Penggunaan kaedah ketiga dalam mengajar kemahiran membaca al-Quran kepada pelajar akan menyebabkan pelajar lain menjadi pasif kerana mereka hanya mendengar bacaan rakan mereka dan teguran oleh guru terhadap bacaan tersebut seandainya ada. Kaedah keempat pula menekankan aspek penguasaan pengetahuan pelajar terhadap hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam ayat yang dibaca.

Kedua-dua kaedah ini tidak mendatangkan banyak faedah kepada majoriti pelajar dalam usaha mereka untuk meningkatkan kemahiran mereka membaca al-Quran. Ini kerana tidak semua pelajar diberi peluang untuk memperdengarkan bacaan masing-masing bagi memastikan bacaan dan sebutan yang dilafazkan adalah tepat sebagaimana seharusnya. Begitu juga dengan perbincangan hukum tajwid yang menekankan aspek keupayaan pelajar untuk mengenal hukum tajwid dan bukan cara untuk mengaplikasikannya dalam bacaan sebenar.

Walaupun demikian, kaedah-kaedah ini boleh digunakan bagi tujuan pengayaan kepada pelajar atau untuk memulihkan segelintir pelajar yang masih kurang mahir membaca al-Quran. Kemungkinan terhadap dua tujuan ini ada kerana pengajaran al-Quran sememangnya telah diperuntukkan dalam jadual waktu rasmi persekolahan. Dapatan hasil daripada temubual dengan responden juga mendapati sebahagian besar pelajar, menurut penilaian guru, telah berupaya untuk menguasai kemahiran ini.

Perbandingan kekerapan penggunaan antara kelima-lima kaedah ini telah menunjukkan bahawa kaedah yang paling kerap digunakan ialah kaedah yang ketiga

yang telah mencatatkan sebanyak 32.6 peratus responden. Ini bermakna guru kerap memilih untuk menggunakan contoh bacaan pelajar bagi tujuan mengajar kemahiran membaca al-Quran kepada semua pelajarnya.

Kaedah pertama di mana guru menggunakan contoh bacaannya sendiri untuk mengajar pelajar dan kaedah keempat (perbincangan hukum tajwid) pula mencatat peratusan kedua dan ketiga tertinggi dengan 17.4 dan 15.2 peratus.

Timbul persoalan sama ada pemilihan ini mempunyai kaitan dengan faktor bahawa ramai di kalangan pelajar telah menguasai kemahiran ini menurut penilaian guru. Namun dapatan yang diperolehi menjelaskan bahawa pemilihan kaedah ini sebagai kaedah yang paling kerap digunakan adalah kerana bagi memudahkan guru untuk mengesan dan memperbetulkan kesalahan pelajar dalam bacaan mereka. Ini kerana seramai 13 orang guru atau 28.3 peratus responden telah menyatakan bahawa sebab inilah yang telah mendorong mereka untuk memilih kaedah berkenaan sebagai jawapan kepada persoalan berkenaan kaedah yang paling kerap digunakan oleh mereka.

Soalan 3 : Apakah persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran ini kepada peningkatan kemahiran pelajar membaca al-Quran?

Pengiraan menggunakan program SPSS versi 11.0 terhadap 21 item dalam Borang Selidik yang menggambarkan darjah persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran membaca al-Quran kepada pelajar mendapati bahawa min skor yang didapati



adalah pada nilai 54.3. Mod skor bagi pembolehubah bersandar ini ialah pada nilai 45.0 dengan nilai sisihan piawai dicatatkan pada nilai 7.72. Nilai maksimum skor dikira pada 105 dan minimum skor dikira pada nilai 21. Nilai skor yang mewakili persepsi yang sederhana ditentukan pada nilai 63.0.

Dapatan hasil pengiraan ini mencadangkan darjah persepsi guru yang agak rendah bagi pengajaran kemahiran membaca al-Quran kepada pelajar mereka. Ia digambarkan melalui nilai min skor yang lebih rendah berbanding nilai skor yang mewakili persepsi yang sederhana (63.0) terhadap pengajaran komponen ini. Nilai mod dan median bagi skor juga berada pada nilai yang lebih rendah berbanding nilai 63.0 dengan nilai masing-masing pada nilai 45.0 dan 52.5.

Walaupun demikian, serakan yang berlaku pada taburan ini adalah luas dengan nilai 7.72 yang dicatatkan. Nilai serakan yang tinggi yang dicatatkan berkemungkinan besar disumbangkan oleh wujudnya nilai-nilai melampau (*extreme values*) pada taburan ini. Nilai minimum skor bagi item-item yang diperolehi oleh responden dicatatkan pada nilai 43.0 dan nilai maksimum dicatatkan pada nilai 73.0.

Terdapat beberapa kemungkinan berlakunya keadaan ini. Kewujudan kelas khas membaca al-Quran dan adanya penilaian guru bahawa majoriti pelajar telah sememangnya mahir membaca al-Quran mungkin menjadi faktor darjah persepsi yang agak rendah yang telah dicatatkan. Namun darjah perhubungan antara kedua-dua faktor ini dan darjah persepsi tidak dapat diuji kerana kajian tidak menjurus kepada persoalan ini.

Soalan 4 : Adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara peruntukan waktu dan pembolehubah-pembolehubah berikut; jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar PQS?

Antara persoalan pokok yang ingin diketahui oleh pengkaji ialah sama ada guru telah memperuntukkan waktu untuk mengajar pelajar membaca al-Quran dalam waktu rasmi pelajaran ini. Persoalan pertama bagi kajian ini telah terjawab sebagaimana yang dirumuskan tadi. Dalam persoalan keempat kajian, pengkaji cuba untuk melihat sama ada wujud perhubungan yang signifikan antara pembolehubah peruntukan waktu bagi pengajaran komponen ini dengan beberapa pembolehubah tidak bersandar yang dipilih, iaitu jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman responden mengajar mata pelajaran PQS.

Dapatan hasil ujian yang ditadbirkan menggunakan arahan *crosstabulation* dalam program SPSS versi 11.0 bagi mencari nilai Khi Kuasa Dua antara kedua pembolehubah ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara persepsi guru sebagai pembolehubah bersandar dengan ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar yang dipilih. Nilai kebarangkalian yang dicatatkan oleh ujian perhubungan ketiga-tiga pembolehubah ini dengan pembolehubah peruntukan waktu adalah lebih besar daripada nilai  $\alpha$  yang ditentukan pada 0.05 dengan pembolehubah jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar PQS mencatatkan nilai  $p$  masing-masing pada 0.398, 0.330 dan 0.893.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa peruntukan masa oleh guru bagi mengajar kemahiran membaca al-Quran kepada pelajar mereka tidak ada mempunyai sebarang kaitan dengan jarantina, kelulusan ikhtisas atau pengalaman mereka mengajar mata pelajaran ini.

Soalan 5 : Apakah kekangan-kekangan yang wujud dalam pelaksanaan pengajaran komponen ini, seandainya ada dan apakah cadangan-cadangan bagi memperbaikinya menurut perspektif guru?

Item 20 dalam Borang Soal Selidik telah meminta guru untuk menyatakan sebab mereka tidak memperuntukkan waktu kepada pelajar untuk mengajar mereka kemahiran membaca al-Quran dalam waktu rasmi pelajaran PQS. Hasil dapatan mendapati bahawa sebab tertinggi yang dipilih oleh responden ialah kerana telah wujud kelas khas al-Quran dalam jadual rasmi persekolah yang dilaksanakan kepada setiap tingkatan. Sebab kedua yang mendapat kekerapan tertinggi ialah kerana mereka hendak menumpukan masa mereka untuk menyelesaikan sukatan tajuk mata pelajaran ini terlebih dahulu. Hasil temuramah terhadap beberapa orang responden juga mendapati bahawa majoriti besar mereka menyatakan kekangan utama ialah faktor masa dan sukatan yang terlalu banyak yang perlu diselesaikan.

Dapatan ini mendorong pengkaji untuk membuat kesimpulan bahawa faktor masa dan sukatan yang banyak telah menjadi kekangan utama mengapa guru tidak memberikan penekanan yang cukup terhadap pengajaran kemahiran ini kepada pelajar dalam waktu

yang telah diperuntukkan. Kewujudan kelas khas membaca al-Quran kepada pelajar juga turut menjadi faktor kepada keadaan ini. Kewujudan kekangan-kekangan ini mungkin menjelaskan mengapa persepsi keseluruhan guru terhadap pengajaran kemahiran pelajar membaca al-Quran dicatatkan pada tahap yang agak rendah sebagaimana yang telah dinyatakan.

Kekangan-kekangan yang wujud terhadap pengajaran kemahiran membaca al-Quran kepada pelajar ini telah mendorong kepada beberapa cadangan yang dikemukakan oleh responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cadangan agar lebih banyak waktu diperuntukkan bagi mata pelajaran PQS di sekolah-sekolah menengah kelolaan JAIS telah mendapat peratusan yang sangat tinggi dengan 91.3 peratus. Begitu juga dengan cadangan agar lebih banyak latihan diberikan kepada guru berhubung kemahiran pengajaran tilawah kepada pelajar, turut mencatat kekerapan tinggi dengan 87.0 peratus responden.

Cadangan ini berkemungkinan besar didorong oleh faktor bahawa sememangnya mata pelajaran ini tidak mendapat meruntukan waktu sepatutnya di sekolah-sekolah kelolaan JAIS sebagaimana yang dicadangkan oleh KPM, iaitu sebanyak empat (4) waktu seminggu tanpa berdasarkan kepada aliran pakej mata pelajaran yang ditawarkan oleh sekolah. Tambahan pula, jumlah minit bagi setiap waktu di sekolah-sekolah jenis ini hanyalah 30 minit bagi setiap waktu. Ini menjadikan perbezaan minit antara sekolah di bawah kelolaan KPM dan JAIS ialah sebanyak 40 minit atau satu waktu bagi sekolah di bawah seliaan KPM.

Aspek latihan yang perlu bagi guru mempertingkatkan kemahiran dan kaedah pengajaran tilawah mereka juga perlu dipertingkatkan menurut pendapat guru. Adalah sesuatu yang baik jika guru sendiri telah menyedari keperluan mereka kepada latihan-latihan yang perlu bagi meningkatkan lagi profesionalisma mereka dalam keguruan. Lebih-lebih lagi apabila dapatan kajian mendapati bahawa sejumlah 32.6 peratus guru yang menjadi responden kajian ini belum mendapat latihan ikhtisas dalam bidang profesyen keguruan. Pengkaji percaya lebih ramai lagi guru yang berkhidmat di bawah seliaan JAIS belum lagi mendapat latihan yang serupa. Namun, kajian lain perlu dijalankan bagi mengesahkannya.

Selain daripada dua cadangan tersebut yang telah mendapat peratusan tertinggi, cadangan agar komitmen guru dan pentadbir dipertingkatkan berhubung pengajaran tilawah telah turut mendapat peratusan yang agak tinggi dengan 69.6 peratus. Turut mencatat kekerapan yang agak tinggi ialah cadangan agar kuota guru ditambah bagi sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini. Oleh kerana kajian tidak menyentuh kedua-dua aspek ini, kajian lain perlu dijalankan agar dapat menjelaskan mengapa cadangan ini turut ditimbulkan dari kalangan guru yang mengajar mata pelajaran ini.

Satu perkara yang menarik yang dapat diperhatikan hasil daripada soalan kajian terakhir ini ialah cadangan agar sukatan ayat tilawah dikurangkan dan cadangan agar diadakan kelas dan guru khas bagi mengajar kemahiran membaca al-Quran telah mendapat peratusan yang terendah dengan masing-masing hanya mencatat 23.9 dan 21.7

peratus kekerapan. Keputusan ini agak berlawanan dengan dapatan yang menunjukkan bahawa sukatan yang banyak dan faktor masa menjadi antara kekangan utama bagi pelaksanaan pengajaran komponen ini di dalam kelas.

### C. Rumusan Perbincangan

Kajian yang telah dijalankan ini mendedahkan bahawa majoriti guru yang mengajar mata pelajaran PQS di sekolah-sekolah menengah agama di bawah kelolaan JAIS telah memperuntukkan waktu dalam jadual rasmi persekolahan bagi mengajar pelajar mereka untuk membaca al-Quran. Walaupun demikian, masih terdapat guru-guru, dengan peratusan yang agak tinggi, yang tidak menekankan aspek ini dan memasukkan sebagai sebahagian daripada komponen pengajaran mata pelajaran ini. Bahkan terdapat seorang guru yang menafikan terus komponen pengajaran kemahiran membaca al-Quran sebagai salah satu objektif bagi mata pelajaran PQS.

Walaupun demikian, kaedah yang sering digunakan oleh guru-guru dalam mengajar kemahiran membaca al-Quran di dalam kelas hanya menumpukan kepada kelompok kecil pelajar sahaja. Begitu juga dengan perbincangan hukum tajwid yang menekankan aspek penguasaan ilmu dan bukan aplikasi dalam pembacaan sebenar. Kemungkinan tuntutan peperiksaan yang memerlukan pelajar mahir dalam mengenalpasti hukum tajwid adalah sesuatu yang tidak boleh diketepikan yang mendorong guru untuk lebih kerap memilih kaedah ini dalam pengajaran mereka di dalam kelas. Ataupun kerana majoriti pelajar, menurut penilaian guru, telah mahir membaca al-Quran dan

menyebabkan hanya sekelompok pelajar sahaja yang ditumpukan dalam pengajaran mereka.

Perspektif yang rendah yang dicatatkan oleh guru dalam pengajaran kemahiran membaca al-Quran kepada pelajar turut menjadi isu yang penting untuk diperbincangkan. Seharusnya, isu dan penekanan kepada penguasaan pelajar untuk membaca al-Quran menjadi antara tumpuan utama guru dan pentadbir sekolah sejajar dengan penetapannya sebagai objektif pertama mata pelajaran PQS. Adakah faktor kewujudan kelas khas membaca al-Quran mendorong kepada perkara ini? Seharusnya, apa sahaja faktor tidak menjadi isu kepada kurangnya penekanan guru dalam aspek kemahiran pelajar untuk membaca al-Quran. Inilah kerana ia telah menjadi objektif mata pelajaran yang utama dan sukatan telah digubal bagi merealisasikannya. Mungkin faktor komitmen yang menjadi pokok persoalan kerana peningkatan komitmen guru dan pentadbir terhadap pengajaran kemahiran ini telah ditekankan oleh guru sendiri dalam cadangan mereka untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran komponen ini di dalam kelas.

Kesimpulannya, walaupun dapatan mencadangkan bahawa pengajaran kemahiran membaca al-Quran telah berlaku di sekolah-sekolah menengah kelolaan JAIS, beberapa isu harus ditangani. Antara yang utama ialah meningkatkan peratusan guru untuk memperuntukkan waktu bagi mengajar kemahiran ini kepada pelajar kepada seratus peratus sejajar dengan objektif pertama mata pelajaran ini. Begitu juga dengan kaedah yang digunakan di dalam kelas yang sepatutnya melibatkan sebahagian besar pelajar jika tidak keseluruhan pelajar di dalam kelas berkenaan. Kaedah yang digunakan juga

sepatutnya lebih menekankan kepada penguasaan pelajar terhadap aplikasi sebenar hukum tajwid dalam bacaan dan bukan tertumpu kepada penguasaannya sebagai ilmu pengetahuan semata-mata.

#### D. Cadangan-cadangan Hasil Dapatan Kajian

Hasil daripada dapatan dan rumusan kajian ini, maka pengkaji ingin mencadangkan beberapa perkara kepada pihak-pihak berkenaan yang menyentuh kepada pelaksanaan pengajaran mata pelajaran PQS di sekolah-sekolah.

1. Oleh kerana terdapat banyak kepelbagaian dalam pelaksanaan mata pelajaran PQS antara sekolah di bawah KPM dan jabatan agama negeri-negeri, maka satu garis panduan yang seragam hendaklah dikeluarkan bagi memastikan pelaksanaan mata pelajaran ini di sekolah memenuhi aspirasi dan tuntutan serta matlamat mata pelajaran ini. Semua pihak mesti mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi memastikan kebajikan pelajar sebagai pelanggan yang mengambil mata pelajaran ini tidak dikesampingkan.
2. Latihan-latihan kepada guru hendaklah dipertingkatkan, terutamanya yang berhubung dengan kaedah-kaedah terkini dalam pengajaran mata pelajaran PQS. Latihan-latihan yang akan dijalankan oleh KPM juga perlu turut melibatkan guru-guru di bawah seliaan jabatan agama Islam negeri-negeri. Ia perlu bagi mengelakkan daripada 'kecairan maklumat' seandainya latihan untuk guru-guru di bawah seliaan jabatan agama Islam negeri-negeri di jalankan oleh pihak kedua atau ketiga.



3. Kajian juga perlu dijalankan berhubung dengan kesesuaian waktu yang dicadangkan dengan sukatan bagi mata pelajaran PQS agar fenomena kesuntukan waktu untuk menyelesaikan sukatan bagi menyiapkan pelajar untuk peperiksaan tidak berlaku. Ia juga penting bagi mengelakkan daripada berlakunya 'pengorbanan' mana-mana objektif mata pelajaran ini akibat daripada wujudnya 'pertembungan kepentingan' (conflict of interest) dalam mata pelajaran ini.

#### E. Cadangan Penyelidikan Akan Datang

Berdasarkan rumusan dan perbincangan yang telah diutarakan berhubung dapatan kajian ini, berikut dicadangkan beberapa kajian yang boleh dijalankan pada masa-masa yang akan datang.

1. Kajian eksperimen bagi menentukan keberkesanan kaedah yang digunakan dalam meningkatkan kemahiran pelajar membaca-al-Qur'an.
2. Kajian jangka panjang terhadap penguasaan pelajar membaca al-Quran di awal kemasukan mereka di tingkatan empat dan di akhir tingkatan lima.
3. Membandingkan pencapaian dan kemahiran pelajar untuk membaca al-Quran antara pelajar yang mengambil mata pelajaran PQS di sekolah di bawah kelolaan KPM dan jabatan agama Islam negeri-negeri.
4. Kajian yang melihat aspek pengurusan dan pentadbiran bagi pelaksanaan mata pelajaran PQS di peringkat jabatan dan sekolah.

5. Kajian yang melihat kepada perhubungan antara kemahiran pelajar membaca al-Quran dan kaedah-kaedah yang digunakan di dalam kelas pengajaran mata pelajaran PQS.
6. Kajian yang menilai perlaksanaan pengajaran tilawah al-Quran di sekolah rendah dan menengah rendah dan membandingkannya dengan pencapaian pelajar secara keseluruhan.

#### F. Kesimpulan

Perlaksanaan pengajaran komponen pengajaran tilawah al-Quran sememangnya perlu diperkasakan, bukan sahaja terhadap mata pelajaran PQS tetapi terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam sendiri sebagai teras. Kajian-kajian yang telah banyak dijalankan telah mendedahkan kepincangan pengajaran kedua mata pelajaran ini dalam melahirkan pelajar yang celik dan berupaya untuk membaca al-Quran.

Sesuatu perlu dilakukan dengan sekadar segera agar pelajar-pelajar yang dikeluarkan oleh sistem pendidikan kebangsaan mampu untuk menguasai al-Quran sebagai kitab suci umat Islam. Sebagai pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak Islam di negara ini, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, jabatan agama Islam negeri-negeri dan guru-guru perlu membuat langkah proaktif bagi memastikan objektif mata pelajaran Pendidikan Islam untuk melahirkan pelajar yang mampu membaca dan menghafaz sebahagian ayat al-Quran benar-benar dapat dicapai.

Usaha perlu terus dijalankan dan kajian-kajian perlu terus diadakan agar usaha-usaha pembaikan ke arah kecemerlangan dapat terus diusahakan demi masa depan anak-anak didik kita. Semoga apa yang kita usahakan akan menjadi sebahagian daripada amal-jariah kita dan sebagai bekalan untuk kita menghadap Tuhan Rabbul Jalil.